

Kaedah Meningkatkan Motivasi Belajar dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Islam

Kod Projek: UKM-PTS-027-2009

¹Salasiah Hanin Hamjah (Ketua Projek), ^{2,3}Ermy Azziaty Rozali,
¹Rosmawati Mohamad Rasit & ¹Zainab Ismail

¹Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam

²Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam

³Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

ABSTRAK

Motivasi belajar merupakan antara perkara penting dalam kehidupan seorang mahasiswa bagi meneruskan pembelajarannya di universiti. Tanpa motivasi belajar yang tinggi, mahasiswa akan berhadapan dengan pelbagai masalah pembelajaran seperti tiada semangat yang tinggi untuk berjaya, mudah putus asa dengan cabaran pembelajaran serta belajar sekadar untuk meraih segulung ijazah tanpa memikirkan kecemerlangan. Justeru itu kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti apakah faktor peningkatan motivasi belajar dan kaedah yang boleh dilakukan oleh pihak Fakulti Pengajian Islam dan pihak-pihak tertentu bagi meningkatkan motivasi belajar dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Islam (FPI). Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan. Seramai 291 pelajar daripada kalangan mahasiswa Tahun Dua dan Tiga telah dipilih sebagai sampel kajian. Kaedah pemilihan sampel dilakukan secara *systematic random sampling*. Data dikumpul melalui soal selidik dan dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Hasil kajian mendapati antara faktor peningkatan motivasi pelajar dapat dilihat dalam pelbagai aspek seperti personaliti pelajar, pensyarah, rakan sebaya, hubungan spiritual pelajar dengan Allah s.w.t, keluarga, kewangan dan kemudahan pembelajaran di universiti. Hasil kajian turut mendapati pelbagai kaedah boleh dilaksanakan bagi meningkatkan motivasi belajar antaranya ialah pengembangan personaliti pelajar, peningkatan kesedaran kerjaya pensyarah atau tenaga pengajar, pemilihan rakan sebaya, hubungan spiritual pelajar dengan Allah s.w.t, dorongan keluarga, kemudahan bantuan kewangan pelajar dan kemudahan pembelajaran di universiti.

PENGENALAN / PENYATAAN MASALAH

Asas perkataan motivasi diperolehi daripada perkataan Latin yang bermaksud “untuk gerak” (Mahmood Nazar 2001: 289). Dalam bahasa Arab, motivasi disebut sebagai *al-dawafi^c al-nafsiyyah* atau dorongan jiwa (Najati 1985: 39). Pengertian ini adalah selari dengan pengertian^c Aqil (1985: 71) yang menyatakan motivasi merupakan dorongan dalaman dan bimbingan tingkahlaku berasaskan kepada faktor fisiologi, sikap dan cita-cita untuk mencapai sesuatu. Ia juga mempunyai persamaan dengan pandangan Baron (1989:

545) yang menjelaskan motivasi adalah satu proses tarikan dalaman yang mendorong, mengawal dan mengekalkan tingkahlaku dan konsep motivasi itu menjelaskan mengapa seseorang itu bertingkahlaku. Motivasi sering dikaitkan juga dengan matlamat yang ingin dicapai. Dalam konteks ini, Rotter berpendapat tingkahlaku manusia didorong oleh hasrat untuk mencapai sesuatu matlamat. Dorongan ini pula merupakan kesan pelaziman. Tingkahlaku manusia perlu dimotivasi dan motivasilah yang mendorong manusia berusaha mencapai kejayaan tertinggi dan mengelak daripada kegagalan (Ryckman 2004:554). Zuccolo (2006: 3) pula berpendapat, motivasi merupakan satu bentuk dorongan yang menjelaskan tingkah laku yang berterusan bagi mencapai sesuatu tujuan dan matlamat. Secara umumnya motivasi didefinisikan oleh Ma'rof (2001:336) sebagai satu keinginan atau motif seseorang untuk melakukan tingkahlaku tertentu dan dorongan untuk mempertingkatkan lagi usaha-usaha bertingkahlaku tersebut. Sehubungan dengan ini menurut Saedah (1996:1) seseorang yang mempunyai motivasi bererti ia telah memperoleh dorongan dan kekuatan untuk mempertingkatkan diri mencapai kecemerlangan dalam hidup sama ada di dunia atau di akhirat atau kedua-duanya sekali. Hasil perbincangan di atas menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan motivasi dalam konteks perbincangan ini ialah satu bentuk dorongan atau penggerak dalaman kepada keinginan untuk mempertingkatkan diri mencapai sesuatu matlamat atau kejayaan serta mengelakkan diri daripada kegagalan.

Motivasi adalah penting dalam aspek pendidikan, khususnya untuk melaksanakan proses pembelajaran. Azizi Yahaya (2005: 3) berpendapat bahawa motivasi dilihat sebagai faktor utama memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan pencapaian pelajar. Motivasi juga merupakan salah satu faktor utama yang dapat mempengaruhi proses pembelajaran, menjadi pendorong jiwa dan hasrat untuk melakukan kegiatan belajar. Tanpa motivasi, proses pembelajaran sukar dijalankan sedangkan proses pembelajaran memerlukan usaha dan ketekunan pelajar bagi memastikan mereka dapat mencapai matlamat, iaitu kejayaan yang diimpikan. Pencapaian dalam bidang akademik menjadi kayu pengukur untuk mereka terus berjaya mengharungi kehidupan dalam dunia hari ini. Namun begitu, terdapat juga pelbagai faktor seperti kurangnya dorongan daripada keluarga, masalah rakan sebaya, masalah persekitaran dan desakan kewangan menyebabkan tidak semua pelajar berjaya memotivasikan diri mereka untuk terus berusaha dan mencapai kecemerlangan. Akibatnya, ada dalam kalangan mereka cepat berputus asa. Justeru itu, motivasi belajar amat penting untuk mengekalkan prestasi pencapaian akademik pelajar bagi merealisasikan kejayaan yang diimpikan berasaskan ketekunan dan strategi yang baik dalam pembelajaran.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Menenalpasti pencapaian akademik pelajar Fakulti Pengajian Islam.
2. Menenalpasti faktor peningkatan motivasi belajar dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Islam.
3. Menenalpasti kaedah meningkatkan motivasi belajar dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Islam.

METODE KAJIAN

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan. Kajian ini memilih seramai 291 orang pelajar daripada jumlah keseluruhan populasi seramai 715 orang, Tahun Dua dan Tiga, Fakulti Pengajian Islam. Kaedah pemilihan sampel dilakukan secara *systematic random sampling*. Responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada 291 orang pelajar Tahun Dua dan Tiga, semester dua, sesi pengajian 2009/2010, Fakulti Pengajian Islam. Pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan menggunakan borang soal selidik yang merangkumi empat bahagian. Bahagian A mengenai latar belakang responden, Bahagian B mengenai faktor peningkatan motivasi belajar, Bahagian C mengenai masalah dan cabaran pembelajaran serta Bahagian D mengenai gaya pembelajaran. Analisis data dilakukan secara deskriptif dan dipersembahkan dalam bentuk peratusan, kekerapan dan min.

ULASAN KEPUSTAKAAN

Kajian tentang motivasi belajar telah banyak dilakukan antaranya Habibah Elias (1991) Kesan latihan motivasi pencapaian ke atas pelajar-pelajar universiti, tesis Ph.D Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Hassan Kudus (2002) Motivasi pencapaian pelajar bandar berbanding luar bandar disertasi sarjana UTM , Abdul Malik Mat (1993) Perbandingan pencapaian akademik, motivasi dan jenis personaliti di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat dari tiga kategori keluarga. Disertasi sarjana USM, Mohd. Ali Jaamat (1999) Keberkesanan modul motivasi terhadap peningkatan motivasi pencapaian pelajar di beberapa buah Sekolah Menengah Daerah Jelebu, Negeri Sembilan. disertasi sarjana UPM. Selain itu di luar negara, kajian tentang motivasi belajar turut dilakukan oleh *Andrew J Martin, Martin Dowson (2009) Interpersonal Relationships, Motivation, Engagement, and Achievement: Yields for Theory, Current Issues, and Educational Practice., John Rugutt, Caroline C Chemosit (2009) What Motivates Students to Learn? Contribution of Student-to-Student Relations, Student-faculty Interaction and Critical Thinking Skills, Hyungshim Jang (2008) Supporting Students' Motivation, Engagement, and Learning During an Uninteresting Activity*

PENCAPAIAN PROJEK (OUTPUT)

Penerbitan (Jurnal)

1. Salasiah Hanin Hamjah (Ph.D.), Rosmawati Mohamad Rasit & Fariza Md. Sham. 2012. Role Of Spiritual Aspect In The Learning Process Of Islamic Studies Student. Research Journal of Applied Sciences (RJAS). Akan diterbitkan 2012.
2. Salasiah Hanin Hamjah, Rosmawati Mohamad Rasit, Zainab Ismail, Fariza Md. Sham & Adawiyah Ismail, 2012. Strategies To Enhance Work Motivation Among Islamic Studies Lecturer. Research Journal of Applied Sciences (RJAS). Akan diterbitkan 2012.
3. Salasiah Hanin Hamjah (Ph.D.), Rosmawati Mohamad Rasit, Zainab Ismail (Ph.D.). & Ermy Azziaty Rozali (Ph.D.). 2012. Hubungan Amalan Spiritual dengan Pencapaian Akademik Pelajar - Hantar ke AJTLHE (Asean Journal of Teaching & Learning in Higher Education) pada 10.8.2011- dalam proses penilaian

4. Rosmawati Mohamad Rasit, Salasiah Hanin Hamjah, Zainab Ismail & Ermy Azziaty Rozali. 2012. Facing Learning Challenges through Spiritual Connection with Allah among Students of the Faculty of Islamic Studies – *Fakulti Pengajian Islam (FPI)*, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)- hantar SCOPUS, dalam proses penilaian
5. Rosmawati Mohamad Rasit, Salasiah Hanin Hamjah (Ph.D.), Zainab Ismail (Ph.D.). & Ermy Azziaty Rozali (Ph.D.). 2012. Relationship Between Factors Improving Learning Motivation And Learning Challenges Among Students From The Faculty of Islamic Studies, UKM- hantar SCOPUS dalam proses penilaian.

Penerbitan (PROSIDING)

1. Salasiah Hanin Hamjah, Zainab Ismail, Rosmawati Mohamad Rasit & Ermy Azziaty Rozali. 2011. Methods of Increasing Learning Motivation among Students, *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, Elsevier. volume 18, pages: 138-147 (Scopus)

Persidangan / Seminar / Bengkel

1. Salasiah Hanin Hamjah, Zainab Ismail, Rosmawati Mohamad Rasit dan Ermy Azziaty Rozali. 2009. *Faktor Peningkatan Motivasi Belajar Dalam Kalangan Pelajar Universiti*, Kertas Kerja dibentangkan dalam Kongres Pengajaran Pembelajaran UKM, di Awana Porto Malai Langkawi, 14-16 Disember 2009. Anjuran Pusat Pembangunan Akademik, UKM.
2. Salasiah Hanin Hamjah, Zainab Ismail, Rosmawati Mohamad Rasit dan Ermy Azziaty Rozali. 2010. *Kaedah Peningkatan Motivasi Belajar Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Islam*, UKM, Kertas Kerja dibentangkan dalam Kongres Pengajaran Pembelajaran UKM 2010. 12- 15 Disember 2010. Di Melaka, Everly Resort. Anjuran Pusat Pembangunan Akademik, UKM.
3. Salasiah Hanin Hamjah, Zainab Ismail, Rosmawati Mohamad Rasit dan Ermy Azziaty Rozali. 2010. Kaedah Meningkatkan Motivasi Belajar dalam kalangan pelajar Fakulti Pengajian Islam, UKM. Prosiding Seminar Pemantauan Penyelidikan & Penerbitan FPI. Anjuran FPI, 6 Disember 2010, Hotel Equatorial, Bangi. ISBN 978-967-5478-35-2, Hlm.180.
4. Salasiah Hanin Hamjah, Zainab Ismail, Rosmawati Mohamad Rasit. 2010. *Faktor Peningkatan Motivasi Belajar Dalam kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Islam*, UKM, Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Penyelidikan Dakwah Kerohanian & Pembangunan Islam, Anjuran Kumpulan Dakwah Kerohanian & Pembangunan Islam dengan kerjasama Jabatan Peng. Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM. 23-24 November 2010, Puri Pujangga.
5. Rosmawati Mohamad Rasit, Salasiah Hanin Hamjah, Zainab Ismail,. 2010. *Hubungan Faktor Peningkatan Motivasi Belajar dan Cabaran Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Islam*, Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Penyelidikan Dakwah Kerohanian & Pembangunan Islam, Anjuran Kumpulan Dakwah Kerohanian & Pembangunan Islam dengan kerjasama Jabatan Peng. Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM. 23-24 November 2010, Puri Pujangga

6. Rosmawati Mohamad Rasit, Salasiah Hanin Hamjah, Zainab Ismail. 2010. *Facing Learning Challenges Through Spiritual Connection With Allah Among Students of The Faculty of Islamic Studies, UKM*. Kertas Kerja dibentangkan dalam Bengkel Penulisan dan Penilaian Jurnal Berimpak Tinggi 2010. Anjuran Kumpulan Dakwah Kerohanian & Pembangunan Islam (UKM-OUP-CMNB-09-37/2010) Kelompok Pembangunan Insan dan Tamadun Islam Fakulti Pengajian Islam, UKM, 4 November 2010, Puri Pujangg

Modal Insan

1. Sarjanamuda: Roziawati Ibrahim. 2010. Pengurusan Motivasi Belajar Dalam Kalangan Mahasiswa: Kajian Kes di Fakulti Pengajian Islam, UKM. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
2. Pembantu Penyelidik: Siti Norma Aisyah Bt malkan @ Molkan, Bimbingan dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Dokumentari (Cakera Padat)

1. Salasiah Hanin Hamjah, Zainab Ismail, Rosmawati Mohamad Rasit dan Ermy Azziaty Rozali. 2009. Faktor Peningkatan Motivasi Belajar Dalam Kalangan Pelajar Universiti, Kertas Kerja dibentangkan dalam Kongres Pengajaran Pembelajaran UKM, di Awana Porto Malai Langkawi, 14-16 Disember 2009.

Poster

1. Anugerah Pingat Gangsa (Ketua Penyelidik) Pertandingan Poster Penyelidikan, Seminar Pemantauan Penyelidikan & Penerbitan Fakulti Pengajian Islam, 2010, Tajuk kajian: Strategi Meningkatkan Motivasi Belajar dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Islam, UKM.
2. Anugerah Saguhati (Ketua Penyelidik) Pertandingan Poster Penyelidikan, Seminar Pemantauan Penyelidikan & Penerbitan Fakulti Pengajian Islam, 2010, Tajuk kajian: Strategi Meningkatkan Motivasi Belajar dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Islam, UKM.